

09/01/2000

Bandar dihias sempena perayaan

SHAH ALAM: Semua bandar besar di negara ini akan dihiasi semasa musim perayaan utama bermula tahun ini, kata Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Katanya, kerajaan berpendapat konsep itu selain mempromosi sektor pelancongan, akan juga meningkatkan keharmonian kaum dan agama yang dinikmati rakyat sekarang.

"Bukan saja industri pelancongan akan mendapat manfaat, malah ia akan membantu kerajaan menjayakan aspirasinya untuk mewujudkan sebuah identiti Malaysia (Bangsa Malaysia)," katanya kepada pemberita pada sidang berita selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata, bagi melaksanakan konsep itu secara berkesan, beliau akan mengadakan siri pertemuan dengan pihak berkuasa kerajaan tempatan mulai 17 Januari.

Beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Sharif bagi membincang dan merangka daya tarikan pelancong ke Kuala Lumpur.

Melalui pertemuan dan perbincangan itu nanti akan dapat merangka cara terbaik bagaimana menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan ke Kuala Lumpur.

"Sebagai permulaan, kementerian akan mengadakan pertemuan dengan Kamaruzzaman bagi mencari jalan dan mengenal pasti program sesuai dan boleh menarik lebih ramai pelancong, ke Kuala Lumpur," katanya.

Mesyuarat itu, akan disusuli dengan pertemuan dengan Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negara.

Beliau mahu semua bandar utama di negara ini memasang lampu perhiasan terutama di waktu malam bertujuan menambahkan keindahan di tempat masing-masing sekaligus boleh menarik lebih ramai pelancong.

Bercakap mengenai sambutan perayaan di Malaysia, beliau berkata kerajaan berjaya dalam usahanya mengeratkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di negara ini.

"Keadaan itu terbukti apabila kira-kira 50,000 rakyat berkunjung rumah terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad di kediaman rasminya di Putrajaya semalam," katanya.

Menurutnya, perayaan Hari Natal dan Tahun Baru minggu lalu diraikan kira-kira 500,000. Ia menjadi satu tradisi masyarakat majmuk di Malaysia dan diadakan tanpa sebarang perkara buruk atau kemalangan.

"Saya tidak nampak itu perbuatan maksiat dan jika ada mereka yang minum minuman keras adalah kerana agama mereka membenarkannya," katanya.

Beliau katanya, ada menerima surat daripada sebuah parti politik yang mendakwa sambutan perayaan seperti itu menggalakkan maksiat dan perlu dihentikan.

Katanya, tiada sebab sambutan seperti itu dihentikan kerana tidak menyalahi peraturan sebaliknya berjaya dalam usaha kerajaan mewujudkan semangat perpaduan dan muhibbah di kalangan masyarakat majmuk.

"Kita mempunyai penduduk berbilang kaum, kepercayaan, agama dan budaya yang berlainan, bagaimana hendak menidakkan kehendak mereka yang sebahagian besarnya bukan sahaja sebagai rakyat negara ini tetapi juga menyumbang ke arah mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk," katanya.

(END)

